

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Nilai Etika Dalam Perkongsian Maklumat Dunia Digital

NOR AZLINA AZIZ FADZILLAH, NORHAFIZAH HASHIM, NORMAZIAH ABDUL RAHMAN, ROZIANIWATI YUSOF & SRI YUSMAWATI MOHD YUNUS

UITM KAMPUS SEREMBAN



Dunia digital telah banyak mengubah cara hidup dan pemikiran individu dalam menangani masalah dan cabaran di zaman milenium ini. Kebanyakan maklumat diperolehi melalui pencarian secara dalam talian dalam kalangan generasi muda. Menurut kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), pada tahun 2020, sebanyak 43% pengguna berkongsi maklumat secara dalam talian dan antara bentuk kandungan yang dikongsi terdiri daripada berita (66.90%), maklumat umum (60.90%) dan hiburan (56.10%). Manakala, terdapat tiga platform perkongsian maklumat yang utama iaitu media sosial (86.50%), group messaging (58.50%) dan private messaging (36.10%). Namun, kesahihan setiap maklumat yang diperolehi perlulah dianalisis dan dinilai dari sudut ketepatan sumber dan fakta yang akan digunakan untuk tujuan perkongsian maklumat tersebut.

Nilai etika adalah satu perkara yang sangat penting dalam menyebarkan sesuatu maklumat terutamanya dari sumber yang diperolehi melalui carian dalam talian. Etika merujuk kepada nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan dan garis panduan yang harus dipatuhi mengikut bidang pekerjaan masing-masing. Dalam konteks penggunaan digital, etika melibatkan kod atau kaedah tingkah laku yang sesuai semasa berinteraksi dalam internet sama ada melalui e-mel, sembang-sembang atau ketika menggunakan kumpulan usenet. Sebagai contoh, menaip mesej dengan menggunakan huruf besar memberi gambaran nada teriakan atau jeritan dalam laman web tersebut (Kamus Dewan edisi keempat, 2005).

Etika penggunaan maklumat melibatkan pelbagai isu yang perlu difahami untuk mengelak penyalahgunaannya. Antaranya, berkaitan dengan hak cipta. Hak cipta merujuk kepada pengiktirafan terhadap sesuatu hasil kerja seseorang di mana penciptanya mempunyai hak untuk membuat salinan, mengedar salinan, menghasilkan hasil kerja lain dan mempamerkan hasil kerjanya di tempat awam. Hak cipta ini boleh wujud dalam pelbagai hasil kerja berbentuk kreatif, intelektual, atau seni seperti puisi, tesis, buku, drama, filem, koreografi, gubahan muzik, rakaman audio dan video, lukisan, perisian, serta siaran radio dan televisyen. Terdapat peruntukan di bawah undang-undang hak cipta Malaysia (Akta Hakcipta 1987, pindaan 2012) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO, pindaan 2022) yang mengawal dan membenarkan karya-karya intelek dibuat salinan untuk tujuan penyelidikan, pembelajaran, peribadi atau plagiat (salin tiru).

Plagiat merupakan satu isu yang sering berlaku dalam penghasilan karya di mana ianya melibatkan kelakuan mengambil atau mencuri hasil kerja orang lain dan mengaku bahawa ianya adalah hasil karya sendiri. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, setiap karya yang disalin tiru perlu dinyatakan dari mana sumber karya tersebut diperolehi seperti petikan atau sedutan (citation), siapa penulis maklumat, lokasi maklumat dan tarikh maklumat dihasilkan.

Penyebaran maklumat perlu mengambil kira golongan sasaran untuk memastikan maklumat yang dikongsi dapat disebarkan dan digunakan bagi tujuan penyelidikan, pendidikan dan sebagainya. Maklumat boleh disebarkan dalam pelbagai bentuk dan format antaranya penulisan secara bercetak, tidak bercetak atau internet. Contoh maklumat bercetak seperti buku, artikel dan tesis, manakala contoh maklumat tidak bercetak seperti cakera optik, seminar, forum, program di radio dan televisyen, rakaman audio dan video. Dengan adanya kemudahan teknologi maklumat seperti internet, penyebaran maklumat secara dalam talian dapat disebarkan secara meluas dan cepat melalui laman sosial seperti blog, Facebook, Twitter, Instagram dan Tiktok.




Blog merupakan jurnal dalam talian yang kebiasaannya dimiliki oleh seseorang individu atau organisasi tertentu untuk memaparkan hasil kerja mereka. Blog juga merupakan kombinasi daripada teks, gambar, video, fail dan pautan dari satu blog ke blog lain, laman web lain, dan juga media lain yang ingin disampaikan. Sementara itu, Facebook pula merupakan salah satu media sosial yang membolehkan pembentukan komuniti dan mengundang rakan-rakan untuk menyertainya. Dengan komuniti yang dibentuk, komunikasi dua hala dapat diwujudkan dengan mengikuti perkembangan semasa rakan-rakan dengan berkongsi gambar, video dan aktiviti harian. Manakala, Twitter merupakan salah satu laman sosial yang memberi ruang untuk kita mencari kenalan, mempromosi perniagaan, menyampaikan dan berkongsi pendapat. Seterusnya penggunaan Instagram dan Tiktok sebagai saluran media sosial yang amat popular pada masa kini yang membolehkan pengguna menyimpan gambar dan video mereka secara digital serta berkongsi dengan pengguna lain.

Sebelum sesuatu maklumat disebarkan dan dikongsi dengan pengguna yang lain, maklumat tersebut perlu dinilai berdasarkan beberapa aspek antaranya ialah (Panduan literasi media dan maklumat, 2019):

1. Pemilihan sumber maklumat ditentukan berdasarkan bentuk bahan tersebut sama ada bersifat akademik, pendapat, fakta, atau hiburan. Fakta merujuk kepada sesuatu yang benar, boleh dibuktikan, atau sah serta tidak dapat dipertikaikan. Pendapat pula merupakan pandangan seseorang atau sesuatu pihak mengenai sesuatu isu berdasarkan kepercayaan atau buah fikiran seseorang atau sesebuah organisasi. Ia tidak semestinya benar, betul atau sah. Maklumat akademik biasanya mempunyai senarai rujukan bahan-bahan maklumat lain yang telah dirujuk oleh pengarangnya. Manakala, hiburan merujuk kepada sesuatu perbuatan, benda dan lain-lain untuk menghiburkan iaitu menyenangkan, mententeramkan hati dan tempat menghiburkan hati.

2. Pastikan tarikh maklumat diperolehi atau diterbitkan adalah terkini.
3. Semak kandungan atau asal usul maklumat yang diperolehi. Tindakan ini adalah penting untuk menilai sama ada maklumat tersebut boleh dipercayai atau sebaliknya. Antara perkara yang perlu disemak adalah seperti pengarang, kelayakan akademik, kepakaran, kemahiran dan karya-karya lain yang pernah dihasilkan.
4. Tentukan maklumat yang dikongsi itu sesuai dengan keperluan kumpulan sasaran. Contohnya, jika maklumat yang disasarkan untuk golongan pelajar sekolah rendah, ia mungkin kurang sesuai untuk golongan siswazah atau golongan profesional.

Secara rumusannya, pengkarya yang berada di era digital perlulah bijak dalam memilih bentuk dan menilai hasil karya tersebut sebelum berkongsi kepada pengguna terutama secara dalam talian. Setiap perkongsian yang dibuat perlu dipertanggungjawabkan terhadap kesan kepada khalayak supaya ia mendapat impak yang positif terhadap masyarakat.



Rujukan

Akta-Hak-Cipta-Pindaan-2022-Akta-A1645.pdf – MyIPO, Laman Web:

<https://www.myipo.gov.my/wp-content/uploads/2022/02/Akta-Hak-Cipta-Pindaan-2022-Akta-A1645.pdf>,

Dicapai pada 23 Februari 2023.

Akta Hakcipta 1987, pindaan 2012, Laman Web:

<https://www.kpdnhep.gov.my/images/dokumen/awam/perundangan/24-bm-Akta-Hak-Cipta-1987-sehingga-1-7-2012.pdf>,

Dicapai pada 23 Februari 2023.

Kamus dewan edisi keempat, 2005, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kajian Pengguna Internet 2020, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Laman Web :

<https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/statistics/internet-users-survey#>, Dicapai pada 23 Februari 2023.

Panduan Literasi Media Dan Maklumat (Tahap Asas), Perpustakaan Negara Malaysia, 2019, Laman Web :

<https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/LiterasiMaklumat/PANDUAN%20LITERASI%20MAKLUMAT%20TAHAP%20A SAS.pdf>, Dicapai pada 23 Februari 2023.